

Sasaran pemanah UM tepat

Oleh HAFIZ ABBAS
mohdhafiz@kosmo.com.my

UNIVERSITI Malaya (UM) melebarkan penguasaannya dalam acara memanah apabila merangkul sebutir lagi pingat emas dalam acara berpasukan lelaki pada temasya Sukan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MA-SUM) 2006 semalam.

Pasukan pemanah UM mengumpul 170 mata untuk menjuarai acara tersebut.

Skuad tuan rumah, Universiti Teknologi Mara (UiTM) yang memungut 165 mata pula menduduki tempat kedua untuk meraih perak.

Manakala gangsa digondol oleh Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan 139 mata.

Sementara itu, emas bagi acara berpasukan wanita telah dimenangi oleh Universiti Teknologi Mara (UiTM) dengan kuantipian 143 mata.

Pingat perak pula menjadi milik Universiti Sains Malaysia

(USM) setelah mengumpul 111 mata dan Universiti Teknologi Malaysia merangkul gangsa (82 mata).

Keputusan tersebut membolehkan UM mengungguli acara memanah yang menutup tirainya semalam dengan tiga emas, satu perak dan satu gangsa.

Universiti Putra Malaysia (UPM) mampu berbangga apabila menghuni tempat kedua dengan meraih dua emas dan satu gangsa.

UiTM yang merangkul satu emas, dua perak dan tiga gangsa hanya mam-

pu berpuas hati di tangga ketiga.

Dalam acara tersebut, dua pemanah kebangsaan, Amirullah Ahmad yang mewakili UM dan Fairuz Hanisuz Che Ibrahim dari UPM masing-masing beraksi cemerlang sebagaimana dijangkakan.

Sebanyak tujuh universiti mengambil bahagian dalam acara memanah lelaki dan empat bagi kategori wanita.



SKUAD pemanah UiTM turut cemerlang dengan satu emas, dua perak dan tiga gangsa.